

# KOMPAS IRIS



LAPORAN & ANALISA BULANAN  
EDISI 3 | 2019



# Isi Kandungan

Prakata	3
Ringkasan Eksekutif	4
Analisa Isu-isu Strategik	
<b>1. Konflik Laut China Selatan: Ancaman Perang Serantau</b>	<b>7</b>
Pendahuluan	7
Peningkatan belanja pertahanan & aset ketenteraan	8
Peningkatan situasi berisiko di Laut China Selatan	11
Pergerakan politik yang berisiko	14
Bacaan senario & implikasi	16
Perang kuasa besar bermula di Vietnam	18
Dilema Asia Tenggara & Risiko Balkanisasi	21
Perpecahan Malaysia	25
Rumusan	28
<b>2. Perang Risikan – Malaysia sebagai pusat operasi risikan asing</b>	<b>31</b>
Pendahuluan	31
Kedudukan geografi dan demografi Malaysia yang strategik	33
Syarikat sebagai samaran agensi perisikan asing	35
Peningkatan keupayaan risikan oleh agensi risikan China	36
Bacaan senario dan implikasi yang bakal berlaku	38
1. Maklumat keselamatan negara dicerobohi kuasa luar	39
2. Pulau Pinang menjadi pintu masuk kepada ejen risikan asing	42
3. Rakyat Malaysia menjadi pintu masuk kepada ejen risikan asing	44
Serangan godam dan aktiviti keganasan mencetuskan keadaan huru-hara dalam negara	47
China berjaya lemahkan keupayaan risikan Amerika Syarikat di rantau ini?	50
Rumusan	51

# Prakata

Laporan ini adalah hasil analisis para penyelidik IRIS Institute tentang isu strategik yang mempunyai implikasi besar dalam setiap bidang utama . Analisis ini akan memandu para pembaca untuk memahami pelbagai peristiwa yang berlaku dalam kerangka strategik yang autentik dan memperoleh perspektif bacaan senario yang tepat.

Setiap laporan akan menceritakan kronologi peristiwa signifikan secara terperinci. Kemudian analisis terhadap implikasi yang akan berlaku kesan daripada perkembangan ini akan dihuraikan secara tuntas.

**Asyraf Farique**

Ketua Editor

# Ringkasan Eksekutif

Beberapa perkembangan geopolitik semasa menunjukkan pertembungan kuasa-kuasa luar mengancam kedaulatan dan keselamatan tanah air.

Tanda-tanda yang membawa kepada situasi peperangan semakin jelas. Hal ini berdasarkan kepada dua pemerhatian utama dalam bidang keselamatan merangkumi 1) Strategi ketenteraan di rantau ini khususnya dalam konflik utama Laut China Selatan 2) Persaingan risikan maklumat antara agensi risikan asing.

Daripada sebuah konflik pertikaian sempadan dan undang-undang antarabangsa, konflik di Laut China Selatan kini menjadi sebuah konflik keselamatan. Dengan latar belakang persaingan kuasa antara US dan China, isu Laut China Selatan yang turut melibatkan negara-negara di ASEAN kini berpotensi menjadi noktah tercetusnya perang serantau.

Tulisan ini menganalisis faktor-faktor yang sedang menolak arus konflik ke arah senario peperangan, serta jangkaan implikasi yang terhasil dalam senario tersebut. Faktor-faktor utama yang diteliti ialah; 1) peningkatan aset ketenteraan, 2) insiden dan aktiviti berisiko, 3) aktiviti politik yang provokatif.

Daripada beberapa senario yang boleh terhasil, tulisan ini menghurai implikasi yang berlaku dalam senario paling berisiko (*worst case scenario*). Implikasi yang dijangkakan ialah; 1) cetusan perang serantau di Vietnam, 2) risiko 'balkanisasi' Asia Tenggara, dan 3) risiko perpecahan Malaysia.

Tuntasnya, peperangan serantau merupakan satu pintu rombakan geopolitik yang strategik bagi pihak Elit Global terhadap Asia Tenggara, untuk memastikan pengukuhan kuasa dan kesinambungan pelan besar '*New World Order*' berjalan dengan sempurna di rantau ini.

Dalam pelan besar '*New World Order*' di rantau ini, Malaysia merupakan *pivot state* dalam permainan rebutan kuasa asing. Sebarang perubahan landskap yang berlaku di Malaysia, mengesani percaturan kuasa-kuasa besar secara politik, ekonomi, dan juga keselamatan.

Agensi risikan asing yang dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi risikan memiliki kelebihan yang besar dalam memenangi perang risikan yang berlaku di rantau ini. Hal ini berlaku melalui tiga faktor utama; 1) Kedudukan geografi dan demografi Malaysia yang strategik 2) Peningkatan Infrastruktur risikan asing di Malaysia 3) Dasar keterbukaan Malaysia dalam pelbagai sektor seperti diplomasi, perdagangan dan pelancongan.

Faktor-faktor yang disebutkan ini boleh membawa kepada tiga implikasi utama; 1) Maklumat keselamatan negara dicerobohi kuasa luar, 2) Pulau Pinang akan menjadi hub risikan asing yang baru di

Malaysia 3) bagi membolehkan hal ini berlaku, serangan godam dan aktiviti keganasan dilakukan bagi mencetuskan keadaan huru-hara dalam negara. Mengikut trend semasa, peningkatan infrastruktur risikan China di Malaysia akan melemahkan pengaruh risikan Amerika Syarikat di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

# Konflik Laut Cina Selatan: Ancaman Perang Serantau

Oleh: Syed Ahmad Israa'

## Pendahuluan

Laut Cina Selatan merupakan salah satu *flashpoint* atau titik bermula ledakan yang kritikal di Asia Tenggara. Selain daripada isu pertikaian terhadap pertindihan sempadan antara China dengan beberapa buah negara Asia Tenggara, kawasan ini juga menjadi pentas untuk penentuan dominasi geopolitik dan ekonomi bagi dua kuasa besar dunia – US dan China yang sedang bersaing merebut hegemoni di benua Asia. Kini, konflik di Laut Cina Selatan telah berubah daripada sebuah konflik sempadan kepada konflik yang melibatkan soal keselamatan serantau.

Apakah masa depan bagi konflik yang semakin tegang ini? Adakah konflik ini boleh ditamatkan melalui rundingan dan kepatuhan kepada peraturan yang dipersetujui oleh semua pihak? Atau konflik ini boleh bertambah buruk hingga mencetuskan peperangan di rantau ini? Apakah masa depan bagi keselamatan negara-negara di Asia Tenggara ini, khususnya Malaysia, dalam konflik ini? Persoalan-persoalan ini akan dinilai dalam tulisan ini melalui pertimbangan dan huraian yang

terperinci. Bacaan strategik terhadap risiko dan masa depan konflik Laut Cina Selatan perlu dilihat secara khusus melalui lensa keselamatan. Dimensi keselamatan menjadi penentu kepada senario masa depan bagi dimensi lain yang terdapat dalam konflik Laut Cina Selatan seperti dimensi ekonomi dan dimensi geopolitik.

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menilai senario mendatang merangkumi soal perkembangan ketenteraan, insiden-insiden yang berisiko tinggi dan pergerakan politik yang berkait dengan soal keselamatan.

## **Peningkatan Belanja Pertahanan & Aset Ketenteraan**

Antara faktor utama yang perlu diperhatikan dalam menilai perkembangan bidang keselamatan ialah perbelanjaan pertahanan dan pembelian aset-aset keselamatan oleh sesebuah negara.

Secara am, faktor ini dianggap sebagai indikator paling ketara bagi memahami status dan pendirian sesebuah negara dalam mana-mana situasi konflik. Dalam kes Laut Cina Selatan, negara-negara yang terbabit di rantau ini – China dan negara-negara Asia Tenggara – menunjukkan trend peningkatan yang agak ketara. Seiring dengan sasaran Presiden Xi untuk menjadikan China sebagai negara dengan kuasa tentera yang



ulung di peringkat antarabangsa menjelang 2050, China telah giat menambah saiz dan kapasiti ketenteraannya. Perbelanjaan ketenteraan China meningkat sebanyak 300% pada tahun 2019 (lebih 150 bilion USD) berbanding pada tahun 2008 (lebih 50 bilion USD)<sup>1</sup>.

Selain itu, China ketika ini sedang menguji kapal induk pesawat udara (*aircraft carrier*) kedua, yang dijangka akan beroperasi secara rasmi tahun ini. Perkembangan pembangunan '*aircraft carrier*' oleh China menjadi perhatian dunia kerana ia merupakan indikator penting kepada kapasiti armada laut China. China juga sebelum ini telah dilaporkan membina pengkalan-pengkalan tentera dan meletakkan aset pertahanan (peluru berpandu) di beting pasir atau kepulauan kecil di Laut Cina Selatan<sup>2</sup>.

Pada masa yang sama, negara-negara di Asia Tenggara juga turut menunjukkan trend penambahan aset ketenteraan yang penting khususnya bagi menghadapi senario pertempuran di laut.

Pada September 2018, Vietnam dilaporkan telah melakukan perjanjian pembelian aset daripada Rusia dalam amaun yang luar biasa (mencecah 1 bilion USD)<sup>3</sup>. Sebelum ini, Vietnam telah pun membeli 6 buah kapal selam daripada Rusia (kesemuanya dilaporkan telah pun beroperasi sepenuhnya), menjadikan

Vietnam sebagai pemilik armada kapal selam terbesar dalam kalangan negara ASEAN<sup>4</sup>.

Singapura pula dilaporkan telah membeli 4 buah kapal selam baru, satu daripadanya sudah beroperasi secara rasmi pada awal 2019<sup>5</sup>. Baru-baru ini, Filipina dilaporkan akan merealisasikan pelan memiliki kapal selam sendiri, yang mungkin akan dibeli daripada Perancis<sup>6</sup>. Malaysia pula dilaporkan akan menambah kapal pemintas laju (*fast interceptor craft*) dan helikopter maritim bagi meningkatkan kemampuan khususnya di perairan Sabah<sup>7</sup>.

Meskipun pada asalnya objektif negara-negara tersebut ialah untuk meningkatkan efek pencegahan daripada diserang (*deterrence*), peningkatan bajet dan pembelian aset ketenteraan juga boleh menimbulkan situasi yang digelar '*security dilemma*'. Negara lain boleh menafsir tindakan tersebut sebagai kesediaan untuk menyerang. Kesannya, negara lain akan turut meningkatkan perbelanjaan dan pembelian aset masing-masing. Situasi yang terhasil daripada tindakan ini ialah munculnya ketegangan dan kecurigaan antara negara yang sedang berkonflik.

Pada tahap ini, perkara yang kecil boleh menjadi pencetus kepada peperangan dan boleh berlanjutan sehingga menjadi perang skala penuh.

## Peningkatan Situasi Berisiko di Laut Cina Selatan

Kajian menunjukkan pertambahan ketara operasi yang bersifat ketenteraan serta pergerakan yang provokatif di Laut Cina Selatan. US, China dan negara-negara di Asia Tenggara telah melakukan siri-siri latihan (*drill/exercise*) dan terlibat secara langsung dalam beberapa insiden genting seperti pencerobohan sempadan dan pelanggaran kapal.

Dalam hal ini, China adalah pihak yang paling giat melakukan aktiviti-aktiviti provokatif tersebut. China telah melaksanakan strategi bersifat menekan (*coercive*) dengan melakukan intimidasi khususnya ke atas negara-negara kecil di Asia Tenggara seperti Vietnam<sup>8</sup>, Filipina<sup>9</sup> dan Malaysia.

Strategi yang dinamakan sebagai *salami-slicing* ini bertujuan untuk memaksa negara yang dibuli untuk sedikit demi sedikit berundur daripada kawasan yang ingin diambil oleh China, melalui kaedah yang tidak membolehkan wujudnya sebab untuk peperangan berlaku<sup>10</sup>.

Oleh yang demikian, banyak kes provokasi yang berlaku biasanya melibatkan kapal awam China yang menceroboh masuk sempadan perairan negara lain. Mereka merapati kapal-kapal milik negara lain sambil diiringi oleh kapal pengawal perairan (*maritime coast guard*) China. Ini menambahkan lagi kesan intimidasi tersebut. Kapal awam ini pada hakikatnya adalah

kumpulan militia China dalam kalangan orang awam yang mendapat latihan keselamatan daripada tentera China sendiri. Taktik ini digunakan supaya China tidak boleh dituduh melakukan serangan ketenteraan di Laut Cina Selatan. Pada masa yang sama membolehkan China untuk meneruskan intimidasi ke atas negara-negara yang memiliki pertikaian sempadan dengannya.

Fenomena di atas telah meningkatkan perhatian US terhadap situasi di Laut Cina Selatan. US pada awalnya tidak begitu serius dalam menggerakkan aset dan tumpuan ketenteraan mereka ke Laut Cina Selatan. Namun sejak dasar Pivot to Asia dilaksanakan oleh Obama, armada laut US mula memberikan tumpuan kepada Laut Cina Selatan.

US telah melaksanakan siri-siri operasi FONOPs (Freedom of Navigation Operation), iaitu penghantaran kapal-kapal tentera laut US untuk belayar di perairan yang didakwa sebagai wilayah China (*nine-dash territory*). Ia juga bertujuan membuktikan bahawa perairan tersebut adalah perairan antarabangsa yang bebas dilalui oleh mana-mana negara.

Isu yang timbul daripada siri FONOPs ini ialah apabila berlaku insiden pertembungan atau pergerakan jarak dekat antara kapal tentera laut US dengan China. Misalnya insiden yang berlaku pada September 2018 melibatkan kapal USS Decatur yang

belayar di kawasan Spratly Island. Kapal tersebut hampir bertembung dengan kapal tentera laut China (Luyang II). USS Decatur dipaksa oleh China untuk mengalih arah agar tidak bertembung dengan kapal China. Insiden sebegini telah beberapa kali berlaku sejak US aktif melaksanakan FONOPs di Laut Cina Selatan<sup>11</sup>.

Kini, siri FONOPs semakin kerap dijalankan oleh US, manakala China akan memberikan respons dengan menghantar kapal tentera lautnya untuk menghalau kapal-kapal US keluar daripada kawasan tersebut. Situasi begini mengundang risiko yang tinggi untuk berlakunya pertembungan di luar jangkauan antara armada laut kedua-dua kuasa besar tersebut.

Ketegangan situasi di Laut Cina Selatan ditambah lagi dengan siri-siri latihan yang dilakukan secara bersama oleh US dan China bersama negara-negara yang memiliki kerjasama ketenteraan dengan US di Asia Tenggara. US dilaporkan akan menjalankan latihan ketenteraan besar-besaran bersama 10 negara anggota ASEAN pada September 2019. Ia akan dirasmikan di Thailand, dan mengambil tempat di perairan Vietnam<sup>12</sup>. Latihan bersama dalam skala yang serupa pernah dijalankan oleh China bersama 6 negara anggota ASEAN pada April 2018, di wilayah Shandong, China<sup>13</sup>.

Kesemua negara yang terlibat mendakwa latihan ini ialah acara rutin yang merupakan sebahagian daripada kerjasama bilateral dalam bidang keselamatan. Walau bagaimanapun, latar situasi serta bentuk latihan yang diadakan memberi tanda bahawa US dan China masing-masing cuba untuk menarik negara-negara di Asia Tenggara ke dalam pengaruh kuasa masing-masing jika berlaku konflik kelak.

Kesemua situasi yang digambarkan di atas jika dilihat secara tersendiri, tidak menggambarkan suasana konflik yang besar. Namun pemerhati dan penganalisis keselamatan antarabangsa bersetuju bahawa dalam kes Laut Cina Selatan, sebarang situasi berisiko meskipun kecil boleh menjadi pencetus atau pemangkin kepada tercetusnya konflik bersenjata yang sukar dikekang oleh rundingan diplomasi.

## **Pergerakan Politik Yang Berisiko**

Seiring dengan perkembangan yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa langkah politik antara negara tertentu yang berpotensi menyumbang kepada bertambahnya ketegangan dalam rantau yang bakal bergolak ini.

Antara perkembangan yang penting ialah peningkatan hubungan dua hala antara Vietnam dengan India. Meskipun Vietnam dan India sudah menjalin hubungan berdasarkan

kepentingan bersama (menolak pengaruh kuasa besar khususnya China) sejak berakhirnya perang dingin, peningkatan hubungan bilateral antara kedua negara ini dengan latar semasa perlu dilihat dalam perspektif yang baru.

India kini merupakan antara rakan strategik yang penting bagi US dalam pakatan *quadrilateral* (empat penjuru) bersama dengan Jepun dan Australia, khususnya dalam mendepani situasi geopolitik di Asia. Walaupun pakatan ini masih sekadar pakatan secara idea dan prinsip, ia dilihat mampu menjadi satu ancaman buat China dalam mencapai misi mereka di rantau Asia.

Baru-baru ini, Vietnam dilaporkan mencari bantuan langsung daripada India dalam menghadapi tindakan agresif dan provokatif China di Laut Cina Selatan. Taklimat dan perbincangan di peringkat tinggi antara dua kerajaan ini telah dilaporkan berlaku secara tertutup<sup>14</sup>.

Peningkatan hubungan dua hala antara Vietnam dan India ini, khususnya dalam bidang keselamatan, berlaku seiring dengan kerancangan US meyakinkan Vietnam bahawa US adalah rakan strategiknya yang akan membantu menjaga perairan Vietnam di Laut Cina Selatan. Pada tahun 2018, Setiausaha Pertahanan US, James Mattis, telah berkunjung sebanyak dua kali ke Vietnam untuk bertemu dengan Menteri Pertahanan Vietnam dan kepimpinan tertinggi yang lain di Vietnam<sup>15</sup>.

Kesemua pergerakan politik yang dinyatakan ini bakal menimbulkan suspicion khususnya di pihak China. Dalam suasana yang tegang antara Vietnam dengan China, hubungan politik yang digambarkan di atas berisiko tinggi untuk memprovokasi China agar mula melakukan sesuatu ke atas Vietnam. Ini akan mewujudkan *casus belli* (satu peristiwa yang melayakkan perang diisytiharkan secara sah) bagi pihak US dan pakatannya melakukan serangan ke atas China.

## **Bacaan Senario & Implikasi**

Dalam jangka masa panjang, situasi konflik di Laut Cina Selatan ini akan berakhir dengan dominasi satu kuasa besar yang tertentu. Dominasi ini akan menentukan reka bentuk geopolitik, ekonomi dan keselamatan di Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, proses menuju kepada situasi akhir tersebut akan mengambil masa dan melibatkan pelbagai senario jangka pendek dan sederhana. Dua senario utama yang terdekat adalah penerusan konflik dalam bentuk sedia ada, atau peningkatan sehingga berlakunya peperangan. Senario kesudahan konflik melalui jalan rundingan atau diplomasi adalah amat tipis kemungkinannya.

Berdasarkan perkembangan dan faktor yang telah dibincangkan di atas, senario peperangan adalah senario yang



berkemungkinan tinggi berlaku. Logik di sebalik senario ini ialah; Peperangan merupakan pintu kepada rombakan status quo geopolitik, sebelum semua kuasa besar meletakkan reka bentuk baharu di rantau strategik ini. Rombakan ini akan dilakukan bagi memenuhi pelan pembinaan kuasa masing-masing, serta menjamin pengukuhan cengkaman kapitalis Yahudi yang berselindung di sebalik kedua-dua kuasa besar US dan China. Corak dan naratif ini dapat diperhatikan dalam hampir kesemua konflik serantau, seperti yang berlaku di Timur Tengah dan Asia Tengah.

Secara lebih spesifik, senario ini dibina daripada tiga hipotesis utama. Pertama, perang skala besar akan bermula dengan tercetusnya perang skala kecil antara China dengan Vietnam. US dan sekutunya akan mengguna pakai semua platform untuk memerangi China.

Kedua, negara-negara Asia Tenggara akan terperangkap dalam dilema dan terpaksa menyertai peperangan di pelbagai peringkat. Ruang ketidakstabilan domestik membuka peluang kepada kumpulan militia sekaligus membuka jalan balkanisasi.

Ketiga, Malaysia sendiri akan mengalami perpecahan khususnya pemisahan Sabah dan Sarawak (Borneo) daripada kerajaan pusat di Semenanjung Malaysia. Perpecahan ini akan mengubah permainan geopolitik di Asia Tenggara.

## Perang Kuasa Besar Bermula di Vietnam

China dan US dijangka akan bertarung di pentas Laut Cina Selatan bagi menentukan dominasi masing-masing di rantau ini.

Namun peperangan ini tidak akan berlaku dalam bentuk pertembungan langsung secara konvensional antara kedua-dua kuasa. Ia akan bermula dalam bentuk perang '*asymmetric*' (tidak seimbang) antara China dengan salah satu negara kecil di Asia Tenggara.

US dijangka akan menjadikan pertempuran ini sebagai sebab untuk terlibat secara langsung dalam bentuk ketenteraan. Kesannya, peperangan tersebut boleh berlarutan dan menjadi sebuah perang serantau dengan US dan sekutunya di satu pihak, dan China di satu pihak lagi. Dalam situasi sekarang, selain daripada Taiwan, Vietnam adalah negara yang paling berpotensi kerana memiliki hubungan yang paling tegang dengan China dalam isu pertindihan sempadan Laut Cina Selatan.

Dalam sebuah kajian yang dikeluarkan oleh RAND Corp pada tahun 2001<sup>16</sup>, China telah dikenal pasti memiliki potensi untuk melakukan serangan ketenteraan di rantau Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, China tidak akan memilih untuk bertempur di tengah-tengah perairan Laut Cina Selatan dan bertempur secara langsung dengan US atas sebab-sebab yang jelas iaitu; 1) Ia akan mengganggu laluan perdagangan dunia itu dan menjejaskan

ekonomi China sendiri (yang bergantung kepada laluan tersebut untuk import), dan 2) Kemampuan ketenteraan China yang tidak dapat menyaingi kemampuan tentera US khususnya di laut dan udara.

Namun, laporan tersebut menyatakan bahawa China kekal memiliki motivasi untuk menegaskan kedaulatan dan haknya ke atas kawasan di Laut Cina Selatan. Oleh itu, China akan kekal bersikap agresif dan provokatif khususnya ke atas negara-negara yang memiliki pertikaian dengannya. Hal ini boleh mencetuskan insiden yang berpotensi membawa kepada peperangan.

Selain itu, China juga boleh melancarkan serangan jika ia merasa terancam dengan pengepungan pengaruh US, atau berdasarkan kiraannya, negara-negara di Asia Tenggara akan mengancam atau menyerang China terlebih dahulu (khususnya di perairan mereka sendiri) dengan bantuan US. Kelebihan *first strike* (siapa menyerang dahulu) boleh menjadi pemangkin kepada keputusan China untuk melancarkan serangan.

Sehubungan dengan itu, Vietnam ketika ini dilihat sebagai negara yang mengumpulkan elemen-elemen yang boleh mengundang serangan dari China. Derek Grossman daripada RAND dalam sebuah analisisnya menyatakan bahawa terdapat 3 sebab mengapa Vietnam akan menjadi tapak tercetusnya perang<sup>17</sup>.

Pertama, tentera China (PLA) memerlukan sebuah medan pertempuran (*battleground*) untuk menguji dan meningkatkan kemampuan mereka khususnya dalam ruang udara dan maritim. Pergeseran sedia ada dengan Vietnam boleh dijadikan sebab untuk mereka melaksanakan serangan sebenar.

Kedua, Vietnam buat masa ini masih dinilai oleh China sebagai belum sepenuhnya berada dalam pengaruh US. Berbanding dengan Thailand dan Filipina<sup>i</sup>, Vietnam tidak memiliki sebarang perjanjian hitam putih untuk pertahanan bersama dengan US. Walaupun US kini cuba mengangkat hubungan ketenteraannya dengan Vietnam, tiada jaminan US akan benar-benar menghantar armada lautnya untuk mempertahankan Vietnam.

Ketiga, jika China perlu melaksanakan serangan pertama di rantau ini, ia haruslah menjadi satu serangan yang bersifat pasti menang. Ketika ini, China menilai Vietnam sebagai sasaran mudah ekoran jurang besar antara kekuatan udara dan lautnya (walaupun dengan segala penambahan/modenisasi yang berlaku) berbanding China.

---

<sup>i</sup> Filipina dan US memeterai perjanjian pertahanan bersama (Mutual Defense Treaty) pada tahun 1951, manakala Thailand dan US memeterai perjanjian pertahanan bersama melalui Manila Pact pada tahun 1954. Perjanjian ini bermakna kedua-dua negara tersebut merupakan sekutu ketenteraan US; sebarang ancaman dan musuh akan dihadapi bersama. Walau bagaimanapun, terdapat kritik menyatakan perjanjian ini sering tidak dipandang serius oleh US.

Berdasarkan faktor-faktor itu, antara strategi US ialah membiarkan China melakukan serangan pertama kepada Vietnam di Laut Cina Selatan. Peluang ini akan membuka ruang kepada US untuk memberikan respons atas prinsip menjaga kebebasan perairan antarabangsa. Respons US akan digerakkan melalui semua saluran utama iaitu 1) Ketenteraan; dengan mengaturgerakkan armada laut dan udara pada kadar yang sesuai, di samping mengepung China dengan bantuan Jepun, Australia dan India, 2) Institusi antarabangsa; dengan mengusulkan kepada PBB agar meluluskan resolusi bagi memaksa China berundur keluar dari Laut Cina Selatan dan 3) Ekonomi; dengan melancarkan sekatan ekonomi (*sanction*) secara kolektif ke atas China.

Jika China bertegas untuk meneruskan pertempuran (atas faktor kedaulatan, maruah parti CCP dan *reinforcement* atau bantuan daripada Rusia/Korea Utara), maka skala pertempuran akan berubah daripada pertempuran di medan perairan Vietnam kepada pertempuran yang lebih besar, melibatkan keseluruhan rantau Asia Tenggara.

## **Dilema Asia Tenggara & Risiko Balkanisasi**

Dalam senario berlakunya peperangan serantau di Asia Tenggara, hampir kesemua negara-negara yang ada di rantau ini akan berhadapan dengan pilihan yang sukar. Secara asasnya, selain

daripada Singapura (memiliki kerjasama utuh dengan US dan Israel), Thailand, dan Filipina (yang memiliki kerjasama ketenteraan secara hitam putih dengan US), negara-negara lain sebenarnya tidak mampu untuk berada dalam kancah pertempuran.

Namun, mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara masing-masing merupakan satu tindakan yang terpaksa diambil oleh kerajaan jika perang meletus. Dalam erti kata lain, negara-negara di Asia Tenggara akan tetap terheret masuk dalam peperangan tersebut, meskipun negara masing-masing akan berdepan dengan implikasi negatif yang menjejaskan kestabilan dan ekonomi negara.

Situasi ini bertambah rumit jika diambil kira fakta bahawa sehingga kini, hampir kesemua negara Asia Tenggara memiliki keterikatan ekonomi yang tinggi dengan China. China telah berjaya melakukan *penetration* (penembusan masuk) yang mendalam di negara-negara ini melalui pelaburan yang bernilai tinggi, serta diperkukuhkan pula oleh kewujudan diaspora kaum Cina di hampir semua negara-negara ini (membantu membekalkan maklumat strategik).

Faktor-faktor ini memungkinan China untuk mengguna pakai instrumen serangan yang bersifat *non-conventional* (luar kebiasaan) seperti ugutan ekonomi, serangan godam siber serta

serangan hendap terhadap sektor atau individu strategik di setiap negara ini.

Dalam senario ini, pilihan untuk kekal berkecuali adalah hampir mustahil. Negara-negara di Asia Tenggara sama ada akan terlibat dalam peperangan ini menentang China (sama ada secara defensive atau membantu US & sekutu melakukan strategi ofensif), atau menyerah kalah kepada tuntutan China — berkompromi menyerahkan wilayah sempadan yang dipertikai — dan menerima China sebagai sekutu dan ketua baru di rantau ini.

Apa pun pilihan yang di buat, negara-negara Asia Tenggara khususnya yang memiliki pertikaian sempadan di Laut Cina Selatan akan berhadapan dengan dua risiko besar iaitu peningkatan perbelanjaan negara dalam ketenteraan (kesan daripada belanja untuk perang) serta ketidakstabilan situasi dalam negara. Risiko pertama akan mengakibatkan peminjaman dana (hutang) daripada institusi atau badan kewangan antarabangsa, manakala risiko kedua akan mengakibatkan pintu autonomi dan separatisme terbuka lebih luas.

Berkaitan risiko yang kedua, watak penting yang perlu diperhatikan ialah kumpulan-kumpulan pemisah bersenjata serta kumpulan militia antarabangsa. Kumpulan ini seumpama bom jangka masa yang sedia ada di Asia Tenggara, yang

menantikan ruang dan masa yang sesuai untuk meledak. Ketidakstabilan dalaman yang berlaku akibat perang serantau adalah peluang yang sesuai. Kumpulan pemisah di Mindanao, Selatan Filipina, Selatan Thailand, Aceh dan kumpulan militia antarabangsa seperti ISIL, ISIS dan JI di Indonesia, adalah aktor-aktor yang bakal di manipulasi oleh salah satu kuasa besar samada US atau China untuk mewujudkan poket-poket pertempuran kecil dalam negara<sup>ii</sup>. Tujuannya bersifat serampang dua mata; memecahkan kekuatan dan fokus setiap negara kecil dalam bertempur, serta memicu proses pemisahan atau balkanisasi di Asia Tenggara.

Sepintas lalu, fenomena yang berlaku di Timur Tengah, khususnya kes Yaman dan Syria (pemisahan sedang berjalan) boleh dijadikan panduan. Proses pemecahan negara kepada negara baru yang lebih kecil (balkanisasi) terhasil apabila berlakunya pergolakan serantau yang mengakibatkan ketidakstabilan dalaman.

Samada proses ini disudahkan melalui instrumen aman seperti referendum atau instrumen paksa seperti *annexation* (pengambilalihan wilayah) oleh kuasa besar, kesan akhirnya

---

<sup>ii</sup> Penulis berpendapat bahawa tangan-tangan kuasa besar dalam sel-sel kumpulan militia ini sudahpun wujud lama. Berdasarkan trend dan corak yang berlaku dalam kes di rantau lain (khususnya Timur Tengah), kumpulan-kumpulan ini dilatih dan diberikan dana untuk terus wujud dalam situasi aman, agar boleh berperanan sebagai salah satu 'buah catur' geopolitik yang penting bagi pihak kuasa besar dalam situasi perang. Ulasan lanjut tentang peranan dan implikasi kumpulan ini khususnya terhadap keselamatan negara akan diulas dalam siri Kompas yang lain.



sama iaitu negara-negara yang sedia ada akan berpecah menghasilkan beberapa buah negara kecil yang baru.

## **Perpecahan Malaysia**

Sehubungan dengan senario yang digambarkan di atas, risiko langsung yang bakal dihadapi oleh Malaysia jika perang meletus di pentas Laut Cina Selatan ialah pemisahan Sabah dan Sarawak daripada kerajaan pusat di Semenanjung Malaysia.

Jika ini berlaku, sentimen pemisahan boleh turut merebak ke negeri-negeri lain di Semenanjung. Malaysia bakal berdepan dengan situasi keselamatan dalaman yang genting.

Terdapat beberapa faktor yang memungkinkan keluarnya Sabah dan Sarawak daripada Malaysia dalam situasi perang iaitu: 1) Kegagalan kerajaan pusat untuk mempertahankan keselamatan perairan Sabah dan Sarawak, 2) Pengambilalihan sebahagian daripada Sabah oleh kumpulan pemisah Selatan Filipina, dan 3) Dominasi sentimen rakyat Sarawak untuk berdaulat dan mengambil perlindungan keselamatan daripada salah satu kuasa besar atau kuasa serantau.

Faktor pertama iaitu kegagalan melindungi keselamatan perairan Sabah dan Sarawak akan menjadi faktor yang kuat sekiranya peperangan berlaku. China akan mengambil keputusan untuk menyerang mana-mana negara (dalam kes ini,

Malaysia) yang menunjukkan tindak balas keselamatan melalui serangan shock & awe (serangan besar-besaran, mengejut, dalam tempoh singkat)<sup>iii</sup>. Menurut sumber yang dipercayai, jika bentuk serangan ini berlaku ke atas Malaysia, dengan aset dan kemampuan yang ada pada hari ini, Malaysia hanya mampu bertahan selama dua atau tiga hari sahaja di laut dan udara. Dalam hal ini, Sabah dan Sarawak adalah negeri yang memiliki risiko paling tinggi memandangkan pertikaian sempadan Laut Cina Selatan berlaku di perairan kedua negeri tersebut.

Jika kerajaan pusat dilihat gagal mempertahankan keselamatan kedua-dua negeri ini, legitimasi dan kepercayaan rakyat dua negeri ini akan luntur dan ini memudahkan kumpulan pemisah membangkitkan rakyat menuntut autonomi atau pemisahan agar Sabah dan Sarawak dapat mencari perlindungan atau berunding sendiri dengan mana-mana kuasa besar (China atau US).

Faktor kedua iaitu pengambilalihan sebahagian Sabah oleh puak pemisah Filipina adalah faktor yang separa kuat namun tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Tuntutan kerajaan Sulu ke atas Sabah masih lagi tidak digugurkan sehingga kini. Kerajaan

<sup>iii</sup> Untuk memahami lebih lanjut tentang strategi serangan ini, rujuk kes serangan US ke atas Iraq pada tahun 2003. Objektif utama strategi ini ialah menjatuhkan moral dan melemahkan psikologi pihak musuh untuk melawan. Sebahagian penganalisis menyatakan bahawa strategi ini membolehkan US menakluk Iraq dengan mudah

Filipina sendiri masih mendakwa bahawa Sabah adalah di bawah kuasanya (meskipun boleh dinilai hanya sebagai retorik pemimpinnya, Duterte di depan rakyat). Atas pelbagai sebab yang munasabah dalam situasi perang seperti tawaran Filipina untuk melindungi Sabah (menggunakan aset sekutunya US), atau tawaran puak pemisah untuk menghentikan serangan yang semakin agresif di Sabah dan lain-lain senario yang mendesak. Sabah memiliki tolakan yang kuat untuk menentukan nasib keselamatannya sendiri. Oleh itu, tidak mustahil Sabah meminta agar dikeluarkan daripada keterikatan kepada kerajaan pusat di Semenanjung, supaya Sabah boleh menentukan polisi keselamatannya sendiri (yang sukar diputuskan oleh kerajaan pusat).


Faktor ketiga iaitu peningkatan sentimen rakyat Sarawak dalam situasi perang dan keselamatan yang terancam juga boleh menyebabkan Sarawak akhirnya memiliki justifikasi yang kukuh untuk merungkai ikatan dengan kerajaan Pusat. Dalam hal ini, petanda-petanda awal telah pun menunjukkan bahawa terdapat kuasa besar tertentu (sama ada China atau US) yang telah bersedia untuk memberikan sokongan ketenteraan sekiranya Sarawak berjaya keluar daripada Malaysia dan membentuk negara baru (sama ada sebagai Sarawak atau bergabung dengan Sabah).

Selain daripada kemaslahatan China yang terdapat di perairan Sabah dan Sarawak, kedua-dua negeri ini (serta keseluruhan kepulauan Borneo) sebenarnya memiliki banyak dimensi strategik yang lain seperti dimensi sumber alam dan dimensi geopolitik. Semua dimensi ini telah dikaji oleh kuasa-kuasa dunia yang berkepentingan. Oleh itu, pemisahan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia di tengah-tengah kegentingan perang adalah satu senario yang diinginkan oleh kuasa-kuasa besar. Ia adalah salah satu daripada langkah Balkanisasi yang paling penting di rantau ini.

## **Rumusan**

Berdasarkan perkembangan realiti semasa dan analisa ringkas, dapat disimpulkan bahawa dalam tempoh mendatang, konflik di Laut Cina Selatan akan berubah daripada konflik perundangan dan provokasi kecil kepada konflik skala besar dalam bentuk peperangan serantau. Peperangan ini melibatkan dua kuasa besar yang sedang bersaing merebut kawasan pengaruh masing-masing di Asia. Negara-negara di rantau ini akan terperangkap dalam sebuah peperangan yang bakal menjejaskan kedaulatan, kestabilan dalaman dan keutuhan ekonomi masing-masing.

Kewujudan sempadan yang ada pada hari ini ialah legasi daripada fasa kolonial sebelum ini. Peperangan serantau yang



berlaku menandakan satu fasa kolonial yang baru, yang akan merombak dan melukis semula sempadan baru bagi rantau Asia Tenggara, di laut dan di darat. Ciri utamanya ialah negara-negara sedia ada akan berpecah menjadi lebih kecil, kawasan yang kaya dengan sumber alam akan diperintah oleh proksi kuasa besar dan negara yang memiliki rakyat asal Asia Tenggara (khususnya Melayu) akan menjadi negara yang bergelut dengan hutang dan beban kewangan.

Risiko pemisahan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia akan meningkat mendadak dalam situasi peperangan. Ancaman keselamatan perairan di kedua-dua negeri ini membuka ruang kepada gerakan pemisah untuk menyalakan sentimen dan memberi justifikasi untuk menuntut hak menentukan nasib Sabah dan Sarawak secara bebas. Pemisahan ini akan mengakibatkan gelombang ketidakstabilan yang merbahaya kepada Malaysia secara keseluruhan.

## Rujukan

1. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2013/11/25/top-secret-expose-singapore-helping-us-spy-on-malaysia/569209>
2. <https://www.iiss.org/blogs/military-balance/2019/05/china-defence-spending>
3. CSIS Report: 'China, The U.S., And Other Asian Powers – Competing Claims In Asia And The Pacific' ([https://csis-prod.s3.amazonaws.com/s3fs-public/publication/190807\\_china\\_and\\_US\\_part6.pdf](https://csis-prod.s3.amazonaws.com/s3fs-public/publication/190807_china_and_US_part6.pdf))
4. <https://www.reuters.com/article/us-vietnam-russia-arms/vietnam-places-orders-for-russian-weapons-worth-over-1-billion-tass-idUSKCN1LO08K>
5. <https://amti.csis.org/modernization-vietnam-navy/>
6. <https://www.channelnewsasia.com/news/singapore/custom-submarine-for-singapore-navy-launched-germany-11254318>
7. <https://www.rappler.com/nation/238801-philippine-navy-get-submarines-might-lease-headquarters>
8. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/07/24/rmn-to-acquire-new-assets>
9. <https://medium.com/fairbank-center/understanding-chinas-third-sea-force-the-maritime-militia-228a2bfbbedd>
10. <https://www.scmp.com/week-asia/geopolitics/article/3017757/chinese-vessel-mainly-blame-sinking-philippine-boat-south>
11. RSIS Commentary: 'South China Sea: Beijing's 'Salami Slicing' Strategy' (<https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/rsis/2179-south-china-sea-beijings/#.XWhv2i2B3MI>)
12. <http://maritimeawarenessproject.org/visualizations/timeline/index.html>
13. <https://www.channelnewsasia.com/news/asia/united-states-southeast-asia-to-hold-first-ever-joint-maritime-11839192>
14. <https://www.scmp.com/news/china/military/article/3007804/china-begins-joint-naval-drills-six-southeast-asian-nations>
15. <https://www.thehindu.com/news/international/vietnam-briefs-india-on-standoff-with-china-in-south-china-sea/article28752056.ece>
16. <https://vn.usembassy.gov/u-s-secretary-of-defense-makes-second-visit-to-vietnam-in-2018-highlights-growing-u-s-vietnam-partnership/>
17. RAND Monograph: 'China's Potential Military Threat to Southeast Asia' ([https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/monograph\\_reports/MR1170/MR1170.ch3.pdf](https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/monograph_reports/MR1170/MR1170.ch3.pdf))
18. <https://thediplomat.com/2019/05/vietnam-is-the-chinese-militarys-preferred-warm-up-fight/>

# Perang Risikan - Malaysia sebagai pusat operasi risikan asing

*Oleh: Asyraf Farique*

## Pendahuluan

Terdapat dua rentetan peristiwa godaman sistem telekomunikasi yang menyasarkan Malaysia sebagai sasaran operasi agensi risikan asing.

Pertama, terdapat pendedahan yang mengatakan bahawa Malaysia menjadi sasaran intipan Amerika Syarikat dan negara di bawah naungan Risikan 5 mata (Amerika Syarikat, UK, Jepun, Australia, dan New Zealand). Intipan itu dilakukan melalui sebuah syarikat teknologi milik kerajaan Singapura, Sing Tel yang telah memasang peranti untuk menembusi sistem telekomunikasi Malaysia melalui kabel telekomunikasi bawah laut SEA-ME-WE-3<sup>1</sup>.

Kedua, agensi keselamatan siber FireEye yang menerima dana daripada badan pelaburan CIA, In-Q-Tel, juga turut melaporkan bahawa Malaysia menjadi ancaman utama agensi risikan China melalui risikan siber<sup>2</sup>. Hal ini turut disokong dengan beberapa pendedahan yang mengatakan bahawa China menembus masuk sistem telekomunikasi syarikat-syarikat Telco di Malaysia untuk

menjejaki rakyat Uighur yang berada di Malaysia<sup>3</sup>. Selain itu, berlaku beberapa perkembangan lain yang menunjukkan Malaysia sedang menjadi tumpuan risikan asing - pembunuhan Kim Jong Nam oleh agensi risikan Korea Utara, pembunuhan rakyat Palestin Dr Fadi Al Batsh oleh Mossad, pencarian ejen CIA secara terbuka dalam bahasa Melayu, Qiaowu, unit diaspora China yang giat merekrut ejen-ejen baru di serata negara dan FETO menjalankan operasi utama di Malaysia

Hal ini menimbulkan beberapa persoalan - mengapa Malaysia menjadi sasaran utama operasi pusat risikan antarabangsa? Adakah ini sebahagian daripada rancangan untuk mengganggu gugat kestabilan negara? Adakah senario ini akan membawa kepada perang risikan yang mana agensi-agensi risikan luar akan bekerjasama dan bersaing antara satu sama lain untuk memperoleh maklumat di Malaysia? Adakah maklumat risikan ini diperlukan dalam proses peperangan awal di laut China Selatan?. Laporan ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut dengan menghuraikannya dengan lebih terperinci.



## **Kedudukan geografi dan demografi Malaysia yang strategik**

Malaysia memiliki kedudukan geografi dan demografi yang strategik. Faktor ini menjadikan Malaysia sebagai *pivot state* dalam permainan rebutan kuasa asing. Sebarang perubahan landskap yang berlaku di Malaysia, mengesani percaturan kuasa-kuasa besar secara politik, ekonomi, dan juga keselamatan antarabangsa.

Data menunjukkan 1/3 bekalan minyak mentah dunia, dan 21% daripada jumlah keseluruhan jumlah perdagangan dunia berlaku di Selat Melaka dan Laut China Selatan pada setiap hari. Sebarang krisis dan konflik yang berlaku di kawasan ini akan memberi kesan yang besar kepada negara kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat. Justeru, keupayaan risikan asing untuk membina jaringan infrastruktur perisikan akan membolehkan mereka mengawal apa yang berlaku di rantau ini.

Salah satu ciri khusus dalam aspek kawalan adalah maklumat risikan. Negara-negara yang dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi risikan memiliki kelebihan yang besar dalam memenangi perang risikan yang berlaku di rantau ini.

Keupayaan untuk membina jaringan infrastruktur perisikan akan membolehkan agensi risikan asing ini memperoleh

maklumat awal secara menyeluruh merangkumi maklumat lapangan, dan maklumat perancangan lawan. Maklumat lapangan ini termasuk analisis pemetaan geografi dan demografi kawasan regional dengan lebih komprehensif dan tepat

Selain itu, Malaysia juga memiliki demografi penduduk yang strategik. Kewujudan pelbagai kaum, agama dan aliran pemikiran merupakan peluang besar yang akan digunakan oleh agensi risikan antarabangsa untuk mencari proksi dan ejen yang boleh menjayakan agenda mereka. Negara China sebagai contoh, menyasarkan diaspora Cina yang menetap di Malaysia untuk membantu mereka mendapatkan maklumat perisikan yang diperlukan dalam segenap bidang.

Mereka menubuhkan satu unit yang dinamakan sebagai Qiaowu. Dr James Jiann Hua To, daripada University of Canterbury New Zealand berkata, unit Qiaowu akan mengenal pasti diaspora Cina yang berpengaruh dalam bidang politik, pendidikan, persatuan-persatuan Cina, Dewan Perniagaan Cina, Syarikat-syarikat pelaburan Cina, Bank-Bank Cina, Agensi Pelancongan Cina, pekerja buruh Cina dan juga media. Kemudian, mereka akan dirapati dan dihubungi melalui pelbagai kaedah dan di doktrin supaya taat setia kepada kerajaan China tanah besar. Di Malaysia, unit ini telah mula menjalankan kerjasama dan menemui kelompok-kelompok diaspora Cina yang

berpengaruh di Malaysia seperti persatuan-persatuan Cina (Hua Tuan), Dewan Perniagaan Cina, pusat-pusat pendidikan Cina, parti-parti politik Cina dan lain-lain lagi.

## **Syarikat sebagai samaran agensi perisikan asing**

Dasar keterbukaan Malaysia dalam pelbagai sektor seperti diplomasi, perdagangan dan pelancongan memudahkan agensi risikan asing untuk menjalankan operasi di Malaysia.

Agensi risikan asing menggunakan pelbagai platform sebagai samaran untuk menjalankan aktiviti risikan di Malaysia. Sebagai contoh, agensi risikan CIA menjalankan aktiviti risikan di Malaysia melalui platform rasmi yang bernaung di bawah kedutaan Amerika Syarikat seperti National Endowment for Democracy (NED), International Republican Institute (IRI), Asia Foundation Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI)<sup>4</sup>.

Terdapat juga aktiviti risikan yang dijalankan melalui badan-badan pelaburan CIA seperti In-Q-Tel yang memberi dana kepada syarikat-syarikat telekomunikasi untuk menjalankan operasi risikan bagi pihak mereka<sup>5</sup>. Kaedah yang sama juga digunakan oleh agensi risikan China.

Menurut data yang dikeluarkan oleh agensi pelaburan Malaysia (MIDA), Malaysia merupakan lokasi yang terbuka dan kos kompetitif kepada pelabur untuk menubuhkan operasi luar

pesisir. Setakat 31 Disember 2015, sebanyak 3683 penubuhan serantau telah diluluskan yang terdiri daripada 2042 pejabat perwakilan, 1035 pejabat wilayah, 271 ibu pejabat operasi, 252 pusat pemerolehan antarabangsa (IPC), 10 Pengurusan Perbendaharaan dan 6 Hub Prinsipal. Daripada data yang dikeluarkan oleh MIDA tersebut, pelabur luar dari China dan juga Amerika Syarikat merupakan pelabur luar yang paling banyak menubuhkan operasi luar pesisir.

Mereka menggunakan entiti pelancongan dan syarikat sebagai samaran bagi menjalankan aktiviti risikan. Contoh syarikat yang mempunyai pertalian dan menerima dana daripada CIA, adalah seperti syarikat keselamatan siber FireEye, syarikat pemantau 3VR, ADAPX, Basis Technology, Biometrica, Cloudera, Palantir dan lain-lain lagi<sup>6</sup>.

## **Peningkatan keupayaan risikan oleh agensi risikan asing**

Agensi risikan asing meningkatkan keupayaan risikan dengan menambah pembinaan infrastruktur risikan dan merekrut lebih ramai informan maklumat yang berupaya menjadi ejen dan proksi mereka. Di Malaysia, peningkatan keupayaan risikan yang berlaku beberapa tahun kebelakangan ini diterajui oleh agensi risikan China.

Peningkatan ini membabitkan pertambahan pembinaan infrastruktur teknologi risikan dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat. Hal ini dilakukan melalui penguasaan dalam medium komunikasi, kawalan terhadap pusat-pusat data yang menempatkan maklumat sensitif negara, usaha pemantauan warga Malaysia melalui langkah pengecaman wajah dan maklumat pemetaan bentuk muka bumi negara merangkumi kawasan hutan dan juga laut. Antara syarikat-syarikat telekomunikasi China di Malaysia yang terlibat adalah Huawei, Sensetime, Hikvision, Ali Baba, Tencent dan juga ZTE.

Bagi menyaingi China, Amerika Syarikat secara agresif telah meningkatkan pelaburan mereka dalam sektor teknologi maklumat. Reuters melaporkan pelaburan luar Amerika Syarikat di Malaysia naik mendadak daripada hanya RM 438 juta pada tahun lepas kepada RM 23.6 bilion pada suku pertama tahun 2019<sup>7</sup>. Majoriti pelaburan luar Amerika Syarikat adalah dalam sektor teknologi maklumat.

Syarikat-syarikat teknologi yang mempunyai rekod ancaman keselamatan dan pernah membantu CIA dan FBI di Amerika Syarikat seperti AT&T, Verizon, Google dan Facebook sudah beroperasi dalam tempoh yang lama di Malaysia. Perkembangan mutakhir ini menunjukkan syarikat-syarikat teknologi dari

Amerika Syarikat menumpukan operasi mereka di Pulau Pinang. Sebagai bukti, Facebook dan YTL telah bekerjasama untuk memasang teknologi terragraph di Bandar Georgetown. Langkah ini membolehkan Facebook mendapat akses maklumat telekomunikasi di sana. Begitu juga, dengan kerjasama yang telah terjalin antara Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga IBM untuk teknologi bandar pintar yang membenarkan IBM mengawal pusat simpanan Cloud operasi pentadbiran kerajaan tempatan<sup>8</sup>.

Selain itu terdapat juga beberapa perkembangan lain yang melibatkan pertambahan keupayaan risikan dari sudut rekrutmen ejen dan juga proksi. China melalui unit Qiaowu giat menjalankan misi rekrutmen ke dalam pelbagai sektor yang melibatkan bangsa Cina di Malaysia. Amerika Syarikat juga melalui agensi risikan CIA mereka turut giat menjalankan proses rekrutmen secara terbuka untuk mencari rakyat Malaysia yang fasih berbahasa Melayu.

### **Bacaan senario dan implikasi yang bakal berlaku**

Berdasarkan perkembangan dan faktor yang telah dibincangkan di atas, senario yang berkemungkinan tinggi untuk berlaku adalah Malaysia menjadi pusat operasi risikan antarabangsa.

Senario ini boleh berlaku berdasarkan tiga pemerhatian. Pertama, maklumat keselamatan negara dicerobohi kuasa luar. Kedua, Pulau Pinang akan menjadi hub risikan asing yang baru di Malaysia. Ketiga, kestabilan negara akan diganggu gugat dengan berlakunya aktiviti godaman dan keganasan yang dirancang oleh agensi perisikan antarabangsa.

#### **i. Maklumat keselamatan negara dicerobohi kuasa luar**

Persaingan antara kuasa besar untuk mendapatkan maklumat di Malaysia membuka akses yang luas kepada pencerobohan maklumat sulit berkaitan keselamatan negara.. Hal ini dapat dilakukan menerusi penguasaan medium komunikasi, kawalan terhadap pusat data yang menempatkan maklumat sensitif negara, usaha pemantauan warga Malaysia melalui langkah pengecaman wajah, perkongsian pemetaan bentuk muka bumi negara merangkumi kawasan hutan, juga laut dan serangan godam siber terhadap fasiliti utama negara dan pusat maklumat negara.

Menurut Kaspersky, sehingga suku pertama tahun 2019, terdapat 14 juta cubaan godaman yang dilakukan di negara-negara Asia Tenggara<sup>9</sup>. Cubaan godaman ini menyasarkan maklumat penting negara di Asia Tenggara. Berdasarkan satu laporan agensi keselamatan siber FireEye, Malaysia menjadi sasaran utama serangan godaman agensi risikan China . Hal ini

turut disokong dengan beberapa pendedahan yang mengatakan bahawa China menembus masuk sistem telekomunikasi syarikat-syarikat Telco di Malaysia untuk menjejaki rakyat Uighur yang berada di Malaysia<sup>10</sup>.

Syarikat China mendominasi penguasaan medium komunikasi di Malaysia. Sebagai bukti, Huawei menjadikan Malaysia sebagai hub regional dan mendominasi pemasangan teknologi 4G dan 5G. Huawei adalah pembekal utama barangan telekomunikasi kepada semua operator telekomunikasi di Malaysia seperti Telekom Malaysia, Maxis dan Axiata. Sehingga kini, terdapat 11 buah pusat perkongsian Huawei di seluruh negara. Beberapa buah kerajaan negeri di Malaysia seperti Sabah dan Sarawak telah menandatangani MOU dengan Huawei untuk membangunkan bandar teknologi<sup>11</sup>.

Selain itu, syarikat-syarikat teknologi dari China ini mendapat akses terhadap maklumat keselamatan negara melalui pemasangan sistem pengecaman wajah melalui teknologi AI dalam fasiliti-fasiliti keselamatan negara. Sebagai contoh, syarikat Hikvision dan Sensetime yang telah memasang sistem pengecaman wajah untuk memantau warga Uighur di Kem Pemulihan Xinjiang, kini akan memasang teknologi yang sama di penjara-penjara di Malaysia<sup>12</sup>.



Terdapat juga beberapa buah syarikat teknologi dari China yang melakukan sistem pemetaan geospasial terhadap bentuk muka bumi Malaysia. Baru-baru ini, BeiDou telah bekerjasama dengan kerajaan negeri Perak untuk menjalankan usaha sama mendapatkan maklumat pemetaan satelit bagi kawasan laut dan hutan<sup>13</sup>. Wakil dari syarikat itu telah menjelajah dari negara China sehingga Ipoh untuk memeta kawasan bentuk bumi negara-negara di Asia Tenggara dan menerangkan bagaimana sistem satelit navigasi BeiDou beroperasi kepada bandar-bandar kembar yang dipilih. Langkah ini dilihat sebagai salah satu usaha strategik China untuk mendapatkan maklumat geospasial negara-negara di Asia Tenggara secara komprehensif dan tepat.

Tindakan China ini dapat difahami sebagai satu usaha counter-strategy bagi menyaingi keupayaan infrastruktur teknologi Amerika Syarikat di rantau ini. Syarikat-syarikat teknologi yang mempunyai rekod ancaman keselamatan dan pernah membantu CIA dan FBI di Amerika Syarikat seperti AT&T, Verizon, Google dan Facebook sudah beroperasi dalam tempoh yang lama di Malaysia dan rantau Asia Tenggara<sup>14</sup>.

Walaupun bagaimanapun, langkah China meningkatkan keupayaan infrastruktur teknologi ini memaksa Amerika Syarikat untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam skala yang lebih besar dengan menaikkan pelaburan mereka RM 23.6 bilion pada suku pertama tahun 2019<sup>15</sup>.

Pencerobohan yang dilakukan oleh agensi risikan asing ini berlaku melalui kaedah rasmi dan tidak rasmi. Secara rasminya kerajaan Malaysia mempunyai kerjasama perkongsian maklumat di peringkat antarabangsa dengan badan risikan seperti CIA, FBI dan juga INTERPOL<sup>16</sup>, dan secara tidak rasmi aktiviti risikan dilakukan melalui serangan godam. Selagi mana pencerobohan itu tidak menggugat kedudukan status quo parti pemerintah dan tahap keselamatan negara, tindakan risikan itu akan berada di bawah pantauan kerajaan tanpa diambil sebarang tindakan.

Namun, terdapat juga usaha pencegahan yang dilakukan melalui badan pertahanan siber negara untuk mengelakkan pencerobohan ini daripada terus berlaku. Malaysia antara negara yang mempunyai tahap keselamatan siber tertinggi di dunia, jika hendak dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia Tenggara<sup>17</sup>. Tetapi persoalannya, adakah dengan kapasiti sedia ada, Malaysia mampu untuk menghadapi perang risikan kuasa asing?

## **ii. Pulau Pinang menjadi pintu masuk kepada ejen risikan asing**

Pulau Pinang disasarkan untuk menjadi hub perisikan yang baru kerana kedudukannya yang lebih strategik daripada sudut geografi dan demografi.

Lokasi Penang yang strategik menempatkan banyak pejabat konsular asing, selain faktor parti pemerintah DAP dan corak desentralisasi kuasa pentadbiran daripada pusat menjadi pintu masuk kepada ejen risikan asing. Pihak parti pemerintah yang pro kepada Amerika Syarikat dan juga China memudahkan ejen risikan luar beroperasi di negeri terbabit.

Pulau Pinang juga turut menempatkan kemudahan infrastruktur risikan seperti kabel telekomunikasi bawah laut dan juga pusat operasi syarikat-syarikat MNC yang pro kepada agensi risikan asing terutamanya Amerika Syarikat dan Israel.

Sehingga kini, terdapat 20 buah syarikat MNC gergasi seperti Dell, Intel, Alterra, AMD, Motorola dan Citigroup yang telah membina pusat operasi luar pesisir di Pulau Pinang. Syarikat Elit Global Kapitalis Yahudi, Citigroup telah membina pusat operasi luar pesisir di Pulau Pinang sejak 20 tahun yang lalu. Pulau Pinang kita menjadi hub regional terbesar Citigroup yang mengendalikan transaksi kewangan sebanyak RM 19 trillion pada setiap tahun. Baru-baru ini, Citigroup bersama Investpenang telah menjalinkan kerjasama untuk menjadikan negeri tersebut sebagai hub risikan maklumat bagi syarikat-syarikat MNC<sup>18</sup>.

Selain itu, Facebook dan YTL juga telah bekerjasama untuk memasang teknologi terragraph di Bandar Georgetown. Langkah

ini membolehkan Facebook mendapat akses maklumat telekomunikasi di sana. Begitu juga, dengan kerjasama yang telah terjalin antara Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga IBM untuk teknologi bandar pintar. IBM akan mengawal pusat simpanan Cloud operasi pentadbiran kerajaan tempatan<sup>19</sup>.

Dari sudut politik, Pulau Pinang bersedia untuk menjadi pusat operasi risikan negara luar kerana wujudnya usaha untuk mengeluarkan negeri itu daripada persekutuan Malaysia. Langkah ini dilihat sebagai persediaan awal membina jaringan proksi keselamatan dengan negara-negara kuasa besar sekiranya usaha untuk mengeluarkan Pulau Pinang dari Persekutuan Malaysia berjaya.

### **iii. Rakyat Malaysia menjadi ejen kepada risikan asing**

Berdasarkan senario semasa, lebih ramai rakyat Malaysia akan direkrut oleh agensi risikan asing melalui kaedah-kaedah yang disebutkan di atas.

Kewujudan pelbagai kaum, agama dan aliran pemikiran merupakan satu peluang besar yang akan digunakan oleh agensi risikan antarabangsa untuk mencari proksi dan ejen yang boleh menjayakan agenda mereka. Bagi menjalankan misi ini, China menubuhkan satu unit yang dikenal sebagai "OC affairs work" (*huaqiao shiwu gongzuo* 华侨事务工作) singkatannya adalah *qiaowu* (侨务). Unit ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti

diaspora Cina yang berpotensi untuk direkrut menjadi ejen dan proksi kepada kerajaan China.

Dr James Jiann Hua To, daripada University of Canterbury New Zealand berkata, unit Qiawu akan mengenal pasti diaspora Cina yang berpengaruh dalam bidang politik, pendidikan, persatuan-persatuan Cina, Dewan Perniagaan Cina, Syarikat-syarikat pelaburan Cina, Bank-Bank Cina, Agensi Pelancongan Cina, pekerja buruh Cina dan juga media. Kemudian, mereka akan dirapati dan dihubungi melalui pelbagai kaedah dan di doktrin supaya taat setia kepada kerajaan China tanah besar.

Di Malaysia, unit ini telah mula menjalankan kerjasama dan menemui kelompok-kelompok diaspora Cina yang berpengaruh di Malaysia seperti persatuan-persatuan Cina (Hua Tuan), Dewan Perniagaan Cina, pusat-pusat pendidikan Cina, parti-parti politik Cina dan lain-lain lagi. China juga telah menubuhkan lebih banyak pusat-pusat doktrinisasi dan latihan melalui penubuhan Confucius Institute di beberapa negeri seluruh Malaysia. Sehingga ke hari ini, terdapat 5 buah Institut Confucius di seluruh negara.

Selain itu kerajaan China juga turut merapati tokoh-tokoh dan pimpinan parti politik Melayu untuk dijadikan proksi dan ejen. Hal ini dilakukan melalui siri lawatan ke China dan Xinjiang untuk didoktrinisasi supaya bertukar fikiran terhadap

rejim komunis tersebut<sup>20</sup>.

Amerika Syarikat pula, melalui agensi risikan CIA turut merekrut pelbagai kelompok seperti ahli politik, agamawan, ahli perniagaan, pengerak NGO liberal, kelompok gereja Evangelis Kristian untuk menjadi pembekal maklumat kepada Amerika Syarikat dan sekutunya.

Program-program yang dijalankan oleh Amerika Syarikat lebih tersusun dan telah bertapak lama di Malaysia melalui pelbagai program pendanaan dan diplomasi. Institusi-institusi seperti NED (National Endowment for Democracy), IRI (Internasional Republican Institute), NDI (National Democratic Institute), Asia Foundation merupakan antara institusi yang menjalankan program-program rekrutmen secara langsung dan tidak lansung. Institusi ini juga bertanggungjawab dalam mendanai dan mengepalai pembentukan NGO-NGO liberal melalui pemberian dana dan sokongan gerak kerja. Selain itu, di bawah kedutaan Amerika Syarikat, program-program indoktrinasi kepada individu berpengaruh di Malaysia turut dijalankan di bawah program Internasional Visitor Leadership Program (IVLP) dan Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI).

Program doktrinasi tersebut akan berlangsung selama tiga minggu di Amerika Syarikat dan mereka akan didoktrin supaya menjadi pro kepada Amerika Syarikat. Ada di antara alumni

program-program ini di Malaysia menjadi individu penting di Malaysia seperti menteri-menteri kabinet<sup>21</sup> . Selain itu berlaku juga rekrutmen secara terbuka oleh agensi risikan CIA untuk mencari rakyat Malaysia yang boleh berbahasa Melayu.

## **Serangan godam dan aktiviti keganasan mencetuskan keadaan huru hara dalam negara**

Bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi risikan antarabangsa, agensi risikan asing akan mencipta beberapa siri aktiviti berbentuk serangan godam kepada sistem-sistem penting negara dan ancaman keganasan untuk mencipta keadaan huru-hara di dalam negara. Apabila berlaku keadaan huru-hara, ini akan merombak status quo keselamatan negara, di mana akan membuka ruang campur tangan lebih besar agensi risikan asing. Antara senario huru-hara yang mungkin berlaku, adalah tuntutan puak pemisah di Sabah dan Sarawak, ancaman Penganas Moro di Sabah, ancaman pihak ISIS, ancaman ketegangan kaum oleh puak ekstremis Hindu dan juga Cina.

Menurut Kaspersky sehingga suku pertama tahun 2019, terdapat 14 juta cubaan godaman yang dilakukan di negara-negara Asia Tenggara<sup>22</sup>. Malaysia menjadi ancaman utama agensi risikan China melalui serangan godam siber.

Hal ini turut disokong dengan beberapa pendedahan yang mengatakan bahawa China menembus masuk sistem

telekomunikasi syarikat-syarikat Telco di Malaysia untuk menjejaki rakyat Uighur yang berada di Malaysia<sup>23</sup>. Godaman ini tidak hanya menyasarkan golongan rakyat biasa, infrastruktur-infrastruktur utama negara yang menempatkan maklumat sensitif juga turut menjadi ancaman utama serangan godam siber.

Terbaru, pihak polis Malaysia tidak menolak gangguan sistem di Klia adalah disebabkan kegagalan rangkaian oleh sebab serangan godam. Hal ini berlaku beberapa hari selepas Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menandatangani perjanjian strategik bersama Huawei. Dalam perjanjian tersebut, Huawei akan menjadi kontraktor utama yang akan memasang sistem telekomunikasi 5G, Internet of Things (IOT), sistem pengecaman wajah AI, dan juga mengelola pusat simpanan data (Cloud) Klia<sup>24</sup>. Serangan godam sementara itu telah menimbulkan keadaan huru-hara dalam sistem keselamatan Malaysia. Terdapat beberapa pendapat yang mengatakan bahawa ada di antara rakyat asing yang tidak diketahui identiti, dengan mudah melepasi kawalan imigresen negara. Siri serangan tersebut mencetuskan tanda tanya, pihak manakah yang menjadi dalang kepada gangguan sistem pintu masuk utama negara tersebut?

Selain itu, serangan tersebut juga boleh berlaku dalam bentuk serangan dron kepada fasiliti-fasiliti utama negara seperti tempat penghasilan minyak, loji jana kuasa tenaga dan



pusat-pusat telekomunikasi. Dalam sebuah laporan yang dikeluarkan di Bernama, CEO Petronas mengambil langkah berjaga-jaga dengan kemungkinan risiko serangan dron terhadap fasiliti penghasilan minyak negara milik Petronas. Langkah ini diambil berikutan serangan dron terhadap loji minyak Saudi Aramco yang berkemungkinan boleh berlaku di Malaysia.

Selain itu, terdapat juga risiko keadaan huru-hara disebabkan oleh ancaman keganasan dan rusuhan. CIA melalui badan-badan pendanaan mereka seperti National Democratic Institute (NDI) juga turut terlibat dalam mendanai revolusi BERSIH untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional. Jika dilihat kepada beberapa pola peristiwa yang berlaku di Timur Tengah, pihak perisikan CIA dan Mossad turut menyalurkan senjata kepada penganas ISIS. Pola yang sama dikhuatiri akan berlaku di Malaysia.

Siapakah tangan belakang yang akan memberikan senjata kepada penganas ISIS di Asia Tenggara? Siapakah yang mendanai pihak seperatisme di Sabah dan Sarawak? Serta siapakah yang akan mencetuskan situasi huru-hara di Malaysia melalui ancaman ketegangan kaum oleh puak ekstremis, Hindu dan Cina?

## **China berjaya lemahkan keupayaan risikan Amerika Syarikat di rantau ini?**

Berdasarkan fakta-fakta dan senario yang disebutkan di atas, peningkatan infrastruktur risikan China di Malaysia akan melemahkan pengaruh risikan Amerika Syarikat di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Hal ini berlaku melalui pertambahan mendadak jumlah infrastruktur risikan China terutama dalam bidang telekomunikasi yang dibina di Malaysia jika hendak dibandingkan dengan Amerika Syarikat. Walaupun dari segi teknologi dan usia bertapak di rantau ini, Amerika Syarikat lebih lama dan lebih maju berbanding China. Namun, dengan perkembangan yang berlaku sekarang menunjukkan China mendominasi persaingan maklumat di rantau ini. Salah satu pihak yang memenangi perang risikan di Malaysia, berkemungkinan besar akan memenangi perang sebenar yang akan berlaku di Laut China Selatan.

Peperangan serantau di Laut China Selatan merupakan salah satu pintu rombakan geopolitik yang strategik bagi pihak Elit Global terhadap Asia Tenggara, untuk memastikan pengukuhan kuasa dan kesinambungan pelan besar '*New World Order*' berjalan dengan sempurna di rantau ini.

## **Rumusan**

Berdasarkan perkembangan realiti semasa dan analisis ringkas yang telah dihuraikan, dapat disimpulkan bahawa perang risikan yang sedang berlaku ini akan menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi risikan antarabangsa.

Hal ini berlaku melalui tiga faktor utama; 1) Kedudukan geografi dan demografi Malaysia yang strategik 2)Peningkatan Infrastruktur risikan asing di Malaysia 3) Dasar keterbukaan Malaysia dalam pelbagai sektor seperti diplomasi, perdagangan dan pelancongan.

Faktor-faktor yang disebutkan ini boleh membawa kepada tiga implikasi utama; 1) Maklumat keselamatan negara dicerobohi kuasa luar, 2) Pulau Pinang akan menjadi hub risikan asing yang baru di Malaysia dan 3) bagi membolehkan hal ini berlaku, serangan godam dan aktiviti keganasan dilakukan bagi mencetuskan keadaan huru hara dalam negara. Mengikut trend semasa, peningkatan infrastruktur risikan China di Malaysia akan melemahkan pengaruh risikan Amerika Syarikat di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

## Rujukan

1. <https://venturebeat.com/2009/11/18/cias-in-q-tel-funds-fireeye-anti-botnet-security-firm/>
2. <https://www.digitalnewsasia.com/business/possible-rise-chinese-cyber-espionage-malaysia>
3. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/09/06/china-hacked-malaysian-other-asian-telcos-to-spy-on-uighur-travellers-say-s/1787811>
4. <https://www.voltairenet.org/article192992.html>
5. <https://venturebeat.com/2009/11/18/cias-in-q-tel-funds-fireeye-anti-botnet-security-firm/>
6. <https://www.businessinsider.com/25-cutting-edge-companies-funded-by-the-central-intelligence-agency-2012-8>
7. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/09/06/us-investments-into-malaysia-rising>
8. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/06/14/penang-island-city-council-ibm-ink-deal-for-smart-city-tech/1762101>
9. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/05/15/the-cia-wants-you-if-you-can-speak-malay/>
10. <http://manilastandard.net/tech/tech-news/303908/kaspersky-detects-over-14-million-phishing-attempts-in-southeast-asia-for-h1-2019-.html>
11. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/09/06/china-hacked-malaysian-other-asian-telcos-to-spy-on-uighur-travellers-say-s/1787811>
12. <https://www.huawei.com/my/press-events/news/my/2019/tm-collaborates-with-huawei-my-to-accelerate-digital-transformation>
13. <https://www.sinarharian.com.my/article/24742/BERITA/Nasional/Jabatan-penjara-teliti-penggunaan-sistem-AI>
14. <https://peraktoday.com.my/2019/07/perak-bakal-kaji-sistem-satelit-dari-china/>
15. <https://qz.com/1145669/googles-true-origin-partly-lies-in-cia-and-nsa-research-grants-for-mass-surveillance/>
16. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2019/09/06/us-investments-into-malaysia-rising>
17. <https://www.kosmo.com.my/terkini/hasanah-buat-laporan-polis-dakwa-hantar-surat-kepada-cia-1.717498>
18. [https://www.cybersecurity.my/data/content\\_files/44/1987.pdf](https://www.cybersecurity.my/data/content_files/44/1987.pdf)
19. <https://www.malaymail.com/news/money/2013/09/10/citigroup-partners-with-investpenang-to-make-state-an-intelligence-hub/522547>
20. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/06/14/penang-island-city-council-ibm-ink-deal-for-smart-city-tech/1762101>
21. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/05/15/the-cia-wants-you-if-you-can-speak-malay/>
22. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/bekas-duta-bidas-mujahid-1.926547>
23. <https://www.facebook.com/yseali/posts/our-very-own-ysealialumni-from-malaysia-is-appointed-as-malaysias-youngest-ever-/2131197010459328/>
24. <http://manilastandard.net/tech/tech-news/303908/kaspersky-detects-over-14-million-phishing-attempts-in-southeast-asia-for-h1-2019-.html>
25. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/09/06/china-hacked-malaysian-other-asian-telcos-to-spy-on-uighur-travellers-say-s/1787811>
26. <https://www.huawei.com/my/press-events/news/my/2019/malaysia-airports-enters-a-strategic-collaboration-with-huawei-technologies>

## **IRIS Institute**

Interdisciplinary Research and International Strategy

### **Bandar Baru Bangi**

No 6-23-3A, Jalan Medan,  
Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral,

